

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1977

Syarat-syarat Pertukaran Skim

Perkhidmatan Bagi Pegawai-pegawai

Dalam Perkhidmatan-perkhidmatan

Tertentu Kepada Perkhidmatan

Ijazah Am Mengikut Laporan

Jawatakuasa Kabinet

Kerajaan telah memutuskan bahawa beberapa skim perkhidmatan yang menggunakan tanggagaji Suffian Tingkatan Biasa \$400x25-450/480x40-800/840x40-1000 atau \$400x25-450/480x40-1000 ditarafkan sebagai skim-skim perkhidmatan pada paras Ijazah Am menggunakan tanggagaji bersih baharu Ijazah Am Tingkatan Biasa \$745x60-865/985x60-1225/1345x60-1705x100-2005. Untuk melaksanakan dasar baru ini Kerajaan akan memberi peluang yang istimewa kepada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan berkenaan memasuki Skim-skim Perkhidmatan baru yang tertentu menurut Surat Pekeliling ini sebelum perlantikan calon-calon bebas.

2. Berikutan dengan opsyen yang telah dikeluarkan oleh Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dalam perkhidmatan dalam senarai di [Lampiran 'A'](#) kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan ini yang berada atas tanggagaji Sufflan \$1000x50-1250 atau \$1000x50-1500 atau \$1250x50-1500 telah berpindah ke tanggagaji bersih baharu Tingkatan Biasa \$745x60-865/985x60-1225/1345x60-1705x100-2005 untuk Ijazah Am dan pegawai-pegawai yang berada atas tanggagaji \$1500x100-1700 atau \$1500x100-1800 atau \$1600x100-1800 telah berpindah ke tanggagaji bersih baharu Tingkatan Khas \$1805x100-2005.

3. Kecuali pegawai-pegawai yang layak menyertai Skim-skim Perkhidmatan Diploma yang mempunyai tanggagaji bersih baharu \$645x40-725/765x40-1005/1085x40-1285x60-1405 atau \$685x40-765/805x40-1045/1125x40-1285x60-1405, pegawai-pegawai yang berada atas tanggagaji \$400x25-450/480x40-800/840x40-1000 atau \$400x25-450/480x40-1000 telah ditawarkan opsyen berpindah ke tanggagaji bersih baharu \$485x40-565/605x40-925/1005x40-1205. Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut yang berpindah ke tanggagaji bersih baharu \$485x40-565/605x40-925/1005x40-1205 itu adalah dianggap sebagai di dalam tanggagaji peralihan sementara menunggu masa untuk memasuki skim-skim perkhidmatan Ijazah Am di Jabatan masing-masing.

4. Semua pegawai-pegawai yang tersebut ini yang telah:

(i) memiliki Ijazah Am atau Ijazah Kepujian;

atau (ii) disahkan dalam jawatan dan mempunyai 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan tersebut itu

pada atau sebelum 1.7.1977 adalah layak ditukarkan ke dalam skim perkhidmatan Ijazah Am baru \$745x60-865/985x60-1225/1345x60-1705x100-2005 itu mulai 2.7.1977 atas matagaji yang sama atau yang berhampiran dengannya tetapi tidak kurang daripada matagaji yang diterimanya dengan syarat:

(a) mereka yang menerima matagaji yang sama dengan matagaji yang diterima sekarang, tarikh kenaikan gajinya tidak berubah; atau

- (b) mereka yang menerima matagaji baharu yang lebih daripada matagaji yang diterima sekarang, tarikh kenaikan gajinya akan jatuh pada hari ulang tahun mereka bertukar kepada Skim Perkhidmatan Ijazah Am jika tarikh itu jatuh pada 1 haribulan. Jika hari ulangtahun itu jatuh pada lain-lain tarikh, maka tarikh kenaikan gaji adalah pada 1 haribulan bulan berikutnya;
- (c) Pegawai-pegawai yang berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan masing-masing;
- (d) Mereka yang belum disahkan dalam jawatan sekarang adalah di kehendaki menjalani baki tempuh percubaan yang belum disempurnakan, dan tertakluk kepada syarat-syarat percubaan dan pengesahan dalam jawatan mengikut perbekalan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#). Pegawai-pegawai yang telah disahkan dalam jawatannya sekarang tidak dikehendaki berkhidmat dalam tempuh percubaan lagi.
- (f) Kekananan pegawai-pegawai yang berkenaan adalah dikira dari pada tarikh perlantikan mereka ke jawatan mereka sekarang.

5. Pegawai-pegawai yang belum memenuhi syarat seperti di perenggan 3 di atas adalah dibenar berkhidmat terus atas tanggagaji-tanggagai peralihan itu sehingga sampai masa mereka dapat memenuhi syarat pertukaran ke dalam Skim Perkhidmatan Ijazah Am berkenaan menurut peraturan yang tersebut di atas.

6. Nama-nama dan butir-butir mengenai pegawai-pegawai yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan supaya tindakan-tindakan untuk menukarkan perkhidmatan mereka mengikut perbekalan Fasal 144 Perlembagaan Persekutuan dapat dilakukan dengan segeranya.

7. Ketua-ketua Perkhidmatan dan Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan bagi melaksanakan perbekalan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD
JALALUDIN)

Pengarah Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Malaysia, Jalan Young,

Kuala Lumpur.

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN

IJAZAH AM

A. Senarai Perkhidmatan-perkhidmatan yang dahulunya mempunyai struktur tanggagaji kenaikan pangkat daripada B 430 atau B 420 kepada B 15 (\$1000x50-1250) atau A 155 (\$1000x50-1500) yang telah dijadikan perkhidmatan-perkhidmatan Ijazah Am dengan menggunakan tanggagaji A 22 (\$745x 60-865/985x60-1225/1345x60-1705x100-2005)

PERKHIDMATAN/JAWATAN	KEMENTERIAN/JABATAN
1. Pegawai Tadbir Am	Pelbagai Jabatan
2. Pegawai Tadbir Negeri	Negeri-Negeri
3. Pegawai Urusan Cina	Pelbagai Jabatan
4. Pegawai Buruh	Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat
5. Pegawai Kebajikan Masyarakat	Kementerian Kebajikan Am
6. Pegawai Kebudayaan Belia dan sukan	Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
7. Pegawai Kemajuan Kerjasama	Kementerian Pertanian
8. Pegawai Keselamatan Kerajaan	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
9. Pegawai Penerangan Luar Negeri	Kementerian Luar Negeri
10. Pegawai Penerbitan Filem	Kementerian Penerangan
11. Pegawai Perhubungan Akhbar/Awam	Pelbagai Jabatan
12. Pegawai Perhubungan Masyarakat	Pelbagai Jabatan
13. Pegawai Setor	Pelbagai Jawatan
14. Pegawai Turus Kanan	Jabatan Pertahanan Awam
15. Penguasa Kastam	Jabatan Kastam
16. Penguasa Pos	Jabatan Pos
17. Penerbit	Kementerian Penerangan
18. Penolong Pendaftar Syarikat	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

PERKHIDMATAN/JAWATAN	KEMENTERIAN JABATAN
19. Penolong Pengawal Talikom (Setor)	Jabatan Talekom
20. Penolong Pengawal Talikom (Trafik)	Jabatan Talekom
21. Penolong Rendah	Kementerian Perusahaan Utama

B. Perkhidmatan yang mempunyai tanggagaji pengambilan B 430 atau B 420 di mana jawatan kenaikan pangkatnya terus ke tanggagaji A 135 (\$1250x50-1500) yang telah dijadikan perkhidmatan Ijazah dengan menggunakan tanggagaji baru A 22 (\$745x60-865/985x60-1225/1345x60-1705x100-2005)

PERKHIDMATAN/JAWATAN

- 22. Pegawai Penerangan
- 23. Pegawai Pengatur Cara

KEMENTERIAN JABATAN

- Kementerian Penerangan
- Pelbagai Jabatan